



MAJLIS DAERAH TANGKAK
JALAN SIALANG,
84900 TANGKAK, TANGKAK,
JOHOR DARUL TA'ZIM

**NOTIS PEMBERITAHUAN
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
KERJA – KERJA PEMBINAAN**

KEPADA : SEMUA PEMILIK PROJEK PEMBINAAN DI BAWAH AKTA 520 DAN PERKHIDMATAN PERUNDINGAN/PROFESIONAL YANG TERLIBAT DALAM INDUSTRI PEMBINAAN

TARIKH : 21 JANUARI 2021

SILA AMBIL PERHATIAN! Selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Negeri Johor yang berkuatkuasa mulai **13 JANUARI 2021 sehingga 4 FEBRUARI 2021** atau selagi tempoh PKP berkuatkuasa, semua **aktiviti pembinaan** seperti berikut adalah **DIBENARKAN BEROPERASI**:

- i. Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kritikal;
- ii. Kerja-kerja pembinaan infrastruktur awam yang utama; dan
- iii. Kerja-kerja pembinaan bangunan yang menyediakan penginapan pekerja yang lengkap di tapak bina atau pekerja yang ditempatkan di Kwarters Pekerja Berpusat (CLQ).

dengan mematuhi **arahan tetap** dan SOP Pembinaan;

- Peraturan 15 P.U.(A) 8/2021
- Aktiviti dibenarkan untuk beroperasi dengan kelulusan CIMS MITI
- Tertakluk kepada Peraturan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- Mematuhi mana-mana SOP yang dikeluarkan oleh CIDB, MITI, MKN, KKM dan lain-lain agensi yang termasuk dalam rantai bekalan dan perkhidmatan
- Mematuhi undang-undang bertulis yang berkuatkuasa – Akta 520 dan Akta 342
- *Patient under investigation & person under surveillance*, tidak dibenarkan datang bekerja dan perlu menjalani tempoh pengasingan yang ditetapkan oleh KKM.
- Mematuhi arahan terkini Kerajaan berkaitan dengan ujian pengesanan COVID-19

Pemilik projek juga perlu mematuhi Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), Undang – Undang Kecil Bangunan Seragam 1986 (Johor) dan SOP Kementerian Kerja Raya.

Perkara – perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

BIL	AKTIVITI	PENERANGAN/TINDAKAN
1	Memulakan ATAU Menyambung semula pembinaan sesuatu bangunan/projek pembangunan.	<p>Pemaju melalui Perunding berdaftar (PSP) yang dilantik perlu mengemukakan Borang B Jadual Kedua UKBS 1986 (UUK 22 (1) dan (2)) – Notis Memulakan/Penyambungan Kerja kepada pihak Majlis dengan mematuhi borang senarai semak OSC MDT dan perlu dilampirkan dokumen/maklumat berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">i. Salinan maklumat yang dikemukakan melalui CIMS CIDB termasuk senarai pekerja yang terlibat;ii. Surat pengesahan pendaftaran MITI. Bagi Syarikat-syarikat yang telah berdaftar dengan pangkalan data

BIL	AKTIVITI	PENERANGAN/TINDAKAN
		<p>MITI iaitu <i>COVID-19 Intelligent Management System</i> (CIMS) melalui pautan https://notification.miti.gov.my tidak perlu membuat pendaftaran semula untuk beroperasi dalam tempoh PKP. Syarikat-syarikat yang berkenaan hanya perlu memuat turun surat notifikasi pengesahan pendaftaran yang boleh dimuat turun mulai 12 Januari 2021;</p> <p>iii. Penyelaras yang terdiri daripada:</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO); atau ✓ Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan (OSH-C); atau ✓ Penyelia Tapak Bina (SSS); atau ✓ Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan; atau ✓ Pemilik Syarikat <p>iv. Jadual Pelaksanaan Projek Terkini;</p> <p>v. Senarai pekerja dan majikan yang menjalani Ujian Makmal Covid 19 dan salinan keputusan Covid 19;</p> <p>vi. Pelan Lokasi dan gambar penginapan pekerja tapak bina;</p> <p>vii. Salinan daftar CIDB;</p> <p>viii. Surat Akuan Janji kepada pihak MDT. (Format boleh dimuat turun di laman web www.mdtangkak.gov.my); dan</p> <p>ix. Lain-lain dokumen berkaitan</p>
2	Kerja – kerja binaan yang sedang dijalankan	<p>Sekiranya Borang B Jadual Kedua UKBS 1986 (UUK 22 (1) dan (2)) – Notis Memulakan/Penyambungan Kerja telah dikemukakan kepada pihak Majlis Daerah Tangkak (MDT) sebelum tempoh PKP dan pemaju ingin menjalankan operasi pembinaan dalam tempoh PKP ini, pemaju perlu menghantar dokumen tambahan ini kepada pihak MDT:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Satu salinan surat notifikasi pengesahan pendaftaran yang dibuat melalui pangkalan data MITI iaitu <i>COVID-19 Intelligent Management System</i> (CIMS) melalui pautan https://notification.miti.gov.my; dan ii. Pelan Lokasi dan gambar penginapan pekerja tapak bina;
3	Kerja – kerja binaan yang ditangguhkan	<p>Pemaju melalui Perunding berdaftar (PSP) perlu mengemukakan surat makluman kepada pihak MDT berkaitan penangguhan kerja – kerja binaan di tapak projek. Sekiranya kerja – kerja binaan disambung semula, PSP perlu mengemukakan dokumen sepertimana di Perkara 1.</p>

BIL	AKTIVITI	PENERANGAN/TINDAKAN
4	Aktiviti dan Protokol Mengikut SOP Sektor Pembinaan	Pelaksanaan sepenuhnya SOP Sektor Pembinaan yang telah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan (MKN/KKM/PBT/CIDB/KKR/MITI/AGENSI -AGENSI KERAJAAN). Sila dapatkan SOP tersebut untuk rujukan.

Nota :

- i. Adalah dimaklumkan mulai 4hb Mei 2020, semua kontraktor **WAJIB** mengisytiharkan segala maklumat berkaitan projek pembinaan melalui Portal CIDB (<http://cims.cidb.gov.my>).
- ii. Semua syarikat perlu mengisytihar maklumat syarikat di web MITI menerusi <https://notification.miti.gov.my/register> dan bersetuju dengan ikrar akujanji pematuhan SOP.

Pemilik Projek dan Perunding berdaftar (PSP) yang dilantik bagi setiap projek diminta mematuhi arahan ini **BERMULA 13 JANUARI 2021 HINGGA TEMPOH PKP TAMAT** selaras dengan peruntukan kepada kuasa **Majlis Daerah Tangkak** di bawah **Seksyen 72(1)(f), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)**. Pemilik Projek juga bertanggungjawab sepenuhnya bagi kos-kos yang terlibat jika telah disahkan tapak projek tersebut dikuarantin kesan daripada penurulan Covid19.

Pemakluman dan arahan ini dikeluarkan dari semasa ke semasa dan akan dipinda jika ada arahan selanjutnya dari pihak Kerajaan Negeri. Kerjasama dan tindakan tuan/puan dalam perkara ini diucapkan terima kasih.

Dengan Arahan :

**Yang DiPertua
Majlis Daerah Tangkak**